



LATAR
KL-KUALA SELANGOR
EXPRESSWAY

**Kenyataan Media
(Untuk Siaran Segera)
SELASA, 30 APRIL 2013**

LEBUHRAYA LATAR – Projek Persimpangan Bertingkat Bandar Tasik Puteri di Lebuhraya LATAR terima Dana Mudahcara berjumlah RM 71.4 juta

Kundang, 30 April 2013 ---- KL-Kuala Selangor Expressway Berhad (Lebuhraya LATAR) hari ini menerima kunjungan Y.Bhg Dato' Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara bersempena lawatan kerja beliau ke tapak projek "Cadangan Pembinaan Persimpangan Bertingkat Bandar Tasik Puteri (BTP), Rawang" di KM 12.9 (Arah Barat) di Lebuhraya LATAR.

Cadangan projek pembinaan persimpangan bertingkat BTP di Lebuhraya LATAR melalui laluan masuk sepanjang 500 meter bakal melibatkan kos pembinaan sebanyak hampir RM62.65 juta yang akan mengambil masa selama 24 bulan bagi kerja-kerja pembinaan. Projek ini merupakan salah satu daripada projek yang mendapat kelulusan di bawah inisiatif Kerajaan Persekutuan melalui Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) bagi melaksanakan projek-projek infrastruktur yang memberi manfaat serta kemudahan kepada rakyat. Projek pembinaan Persimpangan Bertingkat Bandar Tasik Puteri akan dibina oleh pemaju Bandar Tasik Puteri iaitu Rawang Lakes Sdn. Bhd.

Projek ini melibatkan pembinaan Persimpangan "Semi-Clover Leaf", Laluan 4 (empat) lorong 2 (dua) hala, Laluan 2 (dua) lorong untuk "Loops" dan 2 (dua) Jalan Susur ke Laluan Utama Lebuhraya LATAR.

Dengan pembinaan persimpangan bertingkat ini juga ianya akan memudahkan akses terus ke Bandar Tasik Puteri dan bakal memberi manfaat kepada hampir 40,000 penduduk Bandar Tasik Puteri serta kawasan sekitarnya yang merupakan antara pengguna Lebuhraya LATAR untuk ke Kuala Lumpur dan Kuala Selangor.

Pada hari ini juga turut menyaksikan majlis Menandatangani Perjanjian Dana Mudahcara (Facilitation Fund) di antara Kerajaan Malaysia (melalui UKAS), Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan Rawang Lakes Sdn Bhd membabitkan dana berjumlah RM 71.4 juta.

Di majlis yang sama, satu taklimat ringkas mengenai projek pembinaan tersebut turut disampaikan oleh pihak LATAR kepada Y.Bhg Dato' Sri Dr. Ali Hamsa.

“Pihak LATAR amat menyokong usahasama ini yang akan dapat memberi manfaat yang besar kepada para penduduk BTP yang telah menanti dengan sabarnya pelaksanaan pembinaan persimpangan bertingkat ini. Dengan Dana Mudahcara berjumlah RM71.4 juta yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan ini, pihak pemaju dapat meneruskan projek ini yang pastinya akan disambut baik oleh para penduduk BTP dan memudahkan urusan perjalanan seharian mereka. Persimpangan bertingkat ini akan turut memberi akses terus kepada penduduk Bandar Tasik Puteri ke Lebuhraya LATAR,” kata Amran Amir, Ketua Pegawai Eksekutif Lebuhraya LATAR.

Menurut Amran, pihak Rawang Lakes Sdn Bhd akan melantik syarikat LATAR untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaan Persimpangan Bertingkat Bandar Tasik Puteri ini. Beliau juga berharap dengan siapnya persimpangan bertingkat itu nanti, ianya bakal meningkatkan jumlah trafik kenderaan yang melalui Lebuhraya LATAR.

Lebuhraya LATAR sepanjang 33km ini menghubungkan Kuala Lumpur dengan Kuala Selangor. Terdapat empat persimpangan di sepanjang lebuhraya ini yang menghubungkan ke beberapa bandar seperti Kuala Selangor, Assam Jawa, Ijok, Bestari Jaya (Batang Berjuntai), Kota Puteri, Puncak Alam, Shah Alam, Bukit Jelutong, Sungai Buloh, Kundang, Rawang dan Selayang. Lebuhraya LATAR memberikan pilihan yang lebih cepat dan selamat bagi perjalanan pengguna ke Petaling Jaya dan Kuala Lumpur dari bandar-bandar tersebut.

Untuk maklumat lanjut, pengguna boleh menghubungi talian LATAR 03-6145 1515 atau layari www.latar.com.my.

MENGENAI KL-KUALA SELANGOR EXPRESSWAY BERHAD

KL-Kuala Selangor Expressway Berhad (KLSEB) merupakan syarikat konsesi Lebuhraya KL-Kuala Selangor (Lebuhraya LATAR) yang dahulunya dikenali sebagai Leburaya Assam Jawa Taman Rimba Bhd (LATAR) dan telah ditubuhkan pada tahun 1996. KLSEB adalah anak syarikat Bina Puri Holdings Berhad (50%) dan Rafulin Holdings Sdn Bhd melalui anak syarikat milik penuh Arena Irama Sdn Bhd,

Pembinaan Lebuhraya LATAR KL-Kuala Selangor dimulakan pada tahun 2008 apabila perjanjian konsesi tambahan telah ditandatangani pada 28 Februari 2008 dengan Kementerian Kerja Raya yang mewakili Kerajaan Malaysia.

Syarikat telah mendapat pembiayaan kewangan pada Oktober 2008 dengan jumlah RM1.04 bilion pinjaman daripada Bank Pembangunan Malaysia dan Pembangunan Islam.

Syarikat telah mendapat 40 tahun konsesi di Lebuhraya LATAR di bawah skim Build-Operate-Transfer (BOT) di mana syarikat bertanggungjawab untuk membiayai, merekabentuk, membina, mengendalikan dan menyelenggara lebuhraya tersebut.

Lebuhraya KL-Kuala Selangor Berhad (Lebuhraya LATAR)

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Surati Sujor di 013 2660207/Nur Azwa 019- 2780714

###